

## LZS terima zakat paling tinggi

**S**HAH ALAM: Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima zakat perniagaan tertinggi daripada Lembaga Tabung Haji berjumlah RM10.12 juta di Istana Bukit Kayangan, di sini, semalam.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat berkenaan yang disampaikan Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa berkata, zakat yang dibayar Tabung Haji itu adalah jumlah tertinggi yang diterima LZS setakat ini.

Katanya, bayaran zakat yang diterima LZS bergantung kepada pendeposit Tabung Haji di Selangor sepanjang tahun lalu iaitu seramai 970,795 pendeposit.

"Jumlah keseluruhan zakat perniagaan Tabung Haji bagi seluruh negara berjumlah RM38.64 juta," katanya pada majlis penerimaan cek berkenaan.



**BERKENAN...**Sultan Sharafuddin berkenan menerima zakat daripada Ismee pada majlis penyerahan Zakat Perniagaan Tabung Haji Selangor di Istana Bukit Kayangan, semalam.